



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

# E-BULETIN ACIS UITM CPP

**LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU**


Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI  
2024**



# **PENGUKUHAN AKADEMIK**

# WEBINAR PEMBELAJARAN KOLABORATIF MEMBANGUN MINDA KREATIF CTU 101 KHILAFIYYAH



Penulis: Ustaz Ahmad Termizi bin Ab Lateh  
Pensyarah Kanan ACIS UiTM CPP

Pengajaran Kolaboratif adalah antara kaedah pengajaran di Abad 21 yang bertujuan untuk memudah cara pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasa pembelajaran sendiri pelajar.

Pengajaran Kolaboratif juga dikenali sebagai team-teaching atau co-teaching, merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan rakan industri dari pelbagai bidang kepakaran Tiga aspek utama dalam melaksanakan pengajaran kolaboratif termasuk kolaborasi sama ada dalam pembangunan kandungan, penyampaian, atau penilaian.

Sejajar dengan itu, siri webinar Pengajaran Kolaboratif bersama Pensyarah Tamu bagi kod CTU101 Prinsip-prinsip Asas Islam untuk pelajar Diploma semester satu Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang telah dijalankan pada semester Oktober 2023 – Februari 2024.

Penyampaian topik bertajuk Khilafiyah telah dipilih berpandukan kepada Kerangka Pengajaran Kolaboratif dan Pelaksanaannya di UiTM CPP




Melalui model ini, penceramah yang mengendalikan program tersebut ialah Dr. Marina Binti Abu Bakar Pensyarah Kanan Kuliah Syariah dan Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniShams).

Program kolaboratif telah dilaksanakan pada 15 Disember 2023 jam 8.30 pagi melibatkan 500 pelajar dari kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam. Topik yang dibincangkan adalah berkaitan isu-isu khilafiyah dalam masyarakat di Malaysia

Semasa sesi Soal Jawab, pelajar-pelajar yang terlibat, mengambil kesempatan daripada peluang yang ada untuk mendapatkan pandangan dan pengetahuan berharga daripada penceramah tersebut.

Kesimpulannya, Inisiatif Pengajaran Kolaboratif dengan pihak yang berkepakaran membawa manfaat kepada pelajar dan mengikuti perkembangan terkini. Inisiatif ini adalah satu langkah positif ke arah sistem pengajian tinggi Malaysia secara keseluruhan, kerana ia menunjukkan komitmen kepada pelajar dengan pengalaman pembelajaran bermakna yang terbaik.





اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لَوْ كُنْیَ مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.